

Headline	Hargai masa ketika menjawab soalan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	18	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	516 cm ²
Journalist	Rosdi Ismail	AdValue	RM 17,719
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,157



Hargai masa ketika menjawab soalan

➔ TH suntik motivasi calon SPM supaya tidak leka dalam dewan peperiksaan

Oleh Rosdi Ismail

rosdi@bh.com.my

► **Kuching**

Seminar Bimbingan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) anjuran Kelab TaHa Tabung Haji (TH) turut menyuntik motivasi, supaya pelajar tidak leka dalam dewan ketika menjawab soalan peperiksaan, sebaliknya menggunakan masa menjawab setiap soalan.

Pengarah TH Sarawak, Rozimi Ahamed Kamil, berkata seminar anjuran TH itu memberi tumpuan khusus perbincangan kepada teknik menjawab soalan yang betul dan berkesan.

Katanya, paling penting pelajar seharusnya mengingati teknik yang diajar oleh penceramah dalam seminar supaya mereka tidak berasa rugi apabila sehari suntuk mengikuti seminar berkenaan yang ternyata banyak memberi manfaat.

“Sesungguhnya guru sudah memberi pengajaran yang secukupnya di dalam kelas, tetapi apabila menghadiri seminar ini mereka dapat membuat penambahbaikan bagi memperbaiki kelemahan yang masih dimiliki.

“Sehubungan itu, TH menerusi Kelab TaHa komited dalam menganjurkan seminar ini di seluruh negara khusus untuk membantu pelajar supaya meraih keputusan

yang cemerlang dalam SPM,” katanya ketika berucap merasmikan majlis penutup seminar berkenaan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuching Utara, di sini, baru-baru ini.

Berusaha gigih

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Abang Mat Ali Abang Masagus dan Penolong Pengurus Pemasaran TH Sarawak, Rolfandy Awi.

Seramai 250 pelajar dari 10 sekolah menengah sekitar bandar Kuching menyertai seminar itu yang membabitkan perbincangan tiga subjek, iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik.

Sementara itu pelajar SMK St Thomas, Muhammad Emir Zaqwan, berkata seminar ini memberi suntikan motivasi untuk pelajar supaya terus tekun berusaha di samping memudahkan kefahaman pelajar kepada soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Seorang lagi peserta Hanis Zakiah Yakub, dari SMK Bako Kuching, berkata beliau teruja dapat menyertai seminar ini kerana dapat mengetahui kelemahan yang masih dimiliki, terutama dalam memilih atau menulis jawapan bagi mendapat markah yang terbaik.

Headline	Hargai masa ketika menjawab soalan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	18	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	516 cm ²
Journalist	Rosdi Ismail	AdValue	RM 17,719
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,157



→ **250** calon SPM
→ **9 SMK** dan 1 kolej

- SMK Tunku Abdul Rahman,
- SMK Tun Abang Haji Openg,
- SMK St Joseph,
- SMK St Thomas,
- SMK Agama Tun Ahmad Zaidi,
- SMK Sheik Haji Othman Abdul Wahab,
- SMK Agama Matang 2,
- SMK Bako,
- SMK Semerah Padi
- Kolej Dato Patinggi Abang Haji Abdillah

Headline	Hargai masa ketika menjawab soalan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	18	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	516 cm ²
Journalist	Rosdi Ismail	AdValue	RM 17,719
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,157



Rozimi (bersongkok) bersama pelajar yang menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM anjuran TH di Kuching, baru-baru ini.

